

MAJLIS BACAAN YAASIN, DOA SELAMAT DAN JAMUAN KESYUKURAN

Disediakan oleh: Ts. Haslinda Abdul Hamid

Jabatan Sains Gunaan (JSG) telah berjaya mengadakan majlis bacaan Yaasin, doa selamat dan jamuan kesyukuran di Bilik Mesyuarat Hal Ehwal Akademik, UiTM Pulau Pinang pada 20 Julai 2018. Majlis telah berlangsung dengan jayanya dan semua staf JSG telah hadir bagi mengimarahkan majlis ini. Majlis ini diadakan bagi mendoakan kesejahteraan dan kesihatan warga JSG, mendoakan kesembuhan Dr Ainorkhilah dari penyakit yang dihidapi serta mendoakan keselamatan perjalanan untuk Dr Muzafa mengerjakan haji. Majlis dimulakan dengan tazkirah ringkas dan seterusnya di sambung dengan bacaan Yaasin, dan doa selamat. Program ini merupakan aktiviti yang sering diadakan oleh JSG untuk mengimarahkan aktiviti keagamaan di jabatan ini. Program seumpama ini akan diadakan dari masa ke semasa sebagai santapan kerohanian warga JSG. Jamuan ringkas turut disediakan kepada staf JSG yang hadir dalam majlis tersebut.



**Majlis Bacaan Yaasin,
Doa Selamat & Jamuan Kesyukuran**

Jabatan Sains Gunaan

20 JULAI 2018 (JUMAAT)
**Bilik Mesyuarat HEA,
BKBA Tingkat 2**

8.45 am - Kehadiran rakan-rakan Staf
9.00 am - Bacaan Yaasin dan Doa Selamat, sempena:
i) keberangkatan Dr Muzafa menunaikan ibadat Haji
ii) kesembuhan Dr Ainorkhilah dari segala penyakit
iii) Kesejahteraan & kesihatan rakan-rakan staf JSG

9.45am : Mesyuarat Jabatan

Majlis turut mengalukan juadah Potluck dr rakan st
Unit Kebajikan, JSG